

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**

Pengemaskinian Butiran dan Maklumat:

i. Penggantian Perakuan (Borang J)

ii. Perakuan Penghentian Program (Borang K)

[Surat Makluman MQA Bil. 16/2025 bertarikh 14 Oktober 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. MQA telah membuat pengemaskinian butiran dan maklumat ke atas Borang J (Borang Permohonan Penggantian Perakuan) iaitu borang untuk memohon penggantian sijil perakuan akreditasi sekiranya berlaku pindaan pada nama program, alamat institusi dan tarikh akreditasi.
- ii. MQA juga telah membuat pengemaskinian butiran dan maklumat ke atas Borang K (Perakuan Penghentian Program) bagi tujuan pemakluman kepada MQA berhubung program pengajian yang telah dihentikan penawarannya.
- iii. Pemakaian Borang J dan Borang K yang terkini berkuat kuasa pada **1 November 2025**.

Tindakan di peringkat UPM

- iv. Fakulti/Sekolah yang ingin membuat permohonan penggantian sijil perakuan akreditasi dan pemakluman penghentian penawaran program perlu memastikan keperluan berikut disediakan sebelum dihantar ke Pusat Jaminan Kualiti (CQA):

Borang	Keperluan
Borang J (Borang Permohonan Penggantian Perakuan)	i. Mengemukakan borang permohonan secara <i>hardcopy</i> beserta dokumen yang diperlukan di Lampiran 1 (Senarai Semak Salinan Dokumen yang Perlu Disertakan Bersama Borang J). ii. Satu borang permohonan adalah untuk satu program sahaja. iii. Bayaran sebanyak RM100/permohonan.
Borang K (Perakuan Penghentian Program)	i. Pemakaian borang K bagi tujuan penghentian program adalah merujuk kepada perkara yang dinyatakan dalam Pekeliling MQA Bil.1/2017 (27 Mac 2017) seperti berikut: (i) program tersebut tidak ditawarkan kepada pelajar selama dua tahun berterusan / lupus; atau (ii) PPT tidak lagi berhasrat untuk menawarkan program; atau (iii) program tersebut telah tamat tempoh kelulusan pengendalian program daripada KPT; atau

Borang	Keperluan
	(iv) PPT telah menghentikan operasi/ditutup berdasarkan peruntukan Bahagian XI Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996; atau (v) kelulusan penawaran program ditamatkan atau dibatalkan atas arahan pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam meluluskan program tersebut. ii. Mengemukakan borang permohonan secara <i>hardcopy</i> beserta dokumen yang diperlukan dan melengkapkan maklumat dalam borang. iii. Satu borang permohonan adalah untuk satu program sahaja.

- v. Fakulti/Sekolah boleh memuat turun Borang J dan K melalui eISO UPM selain daripada portal MQA (www.mqa.gov.my).
- vi. Pekeliling berkaitan seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Disediakan oleh:
 Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
 Pejabat Naib Canselor
 Universiti Putra Malaysia
 Tarikh Kemas Kini: 7 Disember 2025